

# UMNO bina semula kekuatan secara lebih bijaksana

- Perkembangan PRU15 menunjukkan UMNO tidak memilih jalan defensif semata-mata, kedudukannya dalam Kerajaan Perpaduan memberi ruang membina semula kredibiliti melalui prestasi pentadbiran

- Rumah Bangsa menjadikan UMNO lebih besar daripada sebuah parti politik biasa kerana ia berfungsi sebagai wadah menghimpunkan idea, kepakaran dan aspirasi bangsa Melayu



Oleh Prof Dr Rusdi Omar  
bhrencana@bh.com.my

**Prestasi** UMNO pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada 2022 adalah tamparan besar kepada parti itu. Barisan Nasional (BN) hanya memenangi 30 kerusi Parlimen, satu kemerosotan ketara bagi parti pernah menjadi teras dominan politik negara.

Kemerosotan ini bukan sekadar berpunca daripada perubahan sentimen pengundi. Ia berkait dengan perpecahan dalaman UMNO sendiri.

Sebahagian pemimpin dan ahli keluar parti, digantung, dipecat atau mengambil sikap menyokong lawan atas pelbagai sebab, sama ada kecewa dengan kepemimpinan, berbeza hala tuju atau terpengaruh dengan naratif pembangkang.

Akibatnya, UMNO bukan sahaja kehilangan undi, tetapi turut kehilangan jaringan, jentera dan tokoh pernah menjadi kekuatan parti di akar umbi.

Namun, perkembangan selepas itu menunjukkan UMNO tidak memilih jalan defensif semata-mata. Kedudukannya dalam Kerajaan Perpaduan memberi ruang membina semula kredibiliti melalui prestasi pentadbiran.

Menteri UMNO dilihat lebih berfungsi dalam kerangka kerajaan stabil, khususnya apabila UMNO dapat menampilkan dirinya sebagai komponen kerajaan membawa pengalaman, kestabilan dan keseimbangan politik Melayu dalam pentadbiran negara. Dalam konteks inilah gagasan Rumah Bangsa muncul sebagai strategi pemuliharaan penting. Ia bukan sekadar kempen membawa pulang bekas ahli, tetapi satu usaha menyusun semula pemusatan politik Melayu di bawah UMNO.

Gagasan Rumah Bangsa mula diumumkan secara rasmi Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika menyampaikan Ucapan Dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO 2025 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia 16 Januari.

Dalam ucapannya, beliau mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Penyatuan Rumah Bangsa bagi mengurus kemasukan semula bekas ahli UMNO, sama ada secara individu mahupun secara 'en bloc'.

Pengumuman ini dibuat dengan mesej utama 'pinu rumah bangsa ini sentiasa terbuka luas' kepada mereka yang pernah meninggalkan parti.

Matlamat utama Rumah Bangsa ialah mengembalikan UMNO sebagai rumah asal politik Melayu dan pusat penyatuan semula kekuatan Melayu-Islam yang berpecah kepada pelbagai parti serta kelompok politik.

Justeru, Rumah Bangsa bukan sekadar langkah organisasi untuk menambah ahli, tetapi satu usaha lebih besar merawat perpecahan politik Melayu se-

Rumah Bangsa satu usaha lebih besar merawat perpecahan politik Melayu selama ini melemahkan kedudukan UMNO. BN



lama ini melemahkan kedudukan UMNO dan BN.

Dalam sesi penggugulan perhimpunan UMNO itu, gagasan ini diperkukuh apabila Naib Presiden, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyatuan Rumah Bangsa. Mohamed Khaled kemudian memperinci Rumah Bangsa bukan sekadar ruang bekas ahli kembali ke pangkuan parti, tetapi platform besar memusatkan kekuatan politik Melayu secara holistik.

Menurut beliau, Rumah Bangsa menjadikan UMNO lebih besar daripada sebuah parti politik biasa kerana ia berfungsi sebagai wadah menghimpunkan idea, kepakaran dan aspirasi bangsa Melayu.

Kemuncak awal kejayaan Rumah Bangsa berlaku pada 17 April lalu apabila Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO di Melaka membuat ketetapan menerima kembali beberapa tokoh besar termasuk Datuk Seri Hishammuddin Hussein, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar serta 6,252 bekas pimpinan dan ahli UMNO pada peringkat bahagian dan cawangan UMNO seluruh Malaysia.

Selain menerima semula bekas ahli, UMNO turut memperkenalkan pembaharuan penting menerusi pindaan Peraturan Keahlian UMNO di bawah Fasal 5.2 Perlembagaan UMNO, membolehkan pendaftaran keahlian secara dalam talian. Langkah ini ber-

tujuan mempermudah kemasukan ahli baharu, khususnya dalam kalangan anak muda.

Kesannya amat ketara apabila pada 24 April lalu, UMNO merekodkan 11,077 ahli baharu dalam tempoh empat hari selepas pendaftaran dalam talian dilancarkan.

## Momentum penyertaan anak muda

Hampir 70 peratus ahli baharu ini terdiri daripada anak muda. Momentum itu terus meningkat apabila bersempena Konvensyen 80 Tahun UMNO pada 2 Mei lalu, lebih 15,000 orang mendaftar sebagai ahli baharu UMNO.

Gagasan Rumah Bangsa ini penting kerana UMNO sedang beroperasi dalam landskap politik lebih cair. Parti lain turut berdepan cabaran dalaman masing-masing.

Blok pembangkang masih bergantung kepada sentimen dan penyatuan longgar, manakala parti kerajaan tidak terlepas daripada persaingan kelompok serta ketegangan dalaman.

Dalam suasana ini, kelebihan akan berpihak kepada parti mampu menyusun semula organisasi, menyatukan ahli, memperbaharui imej dan menawarkan arah lebih jelas kepada pengundi.

Namun, gagasan Rumah Bangsa hanya akan benar-benar berkesan jika ia dapat diterjemahkan kepada disiplin organisasi, pemilihan calon bersih, keterbukaan generasi muda, pemerksaan wanita, agenda ekonomi Melayu-Bumiputera yang segar dan gaya komunikasi tidak lagi bersandar kepada nostalgia semata-mata.

Jika UMNO berjaya menggabungkan sejarah, prestasi kerajaan dan pembaharuan organisasi, maka ia mempunyai peluang cerah untuk membina semula keyakinan pengundi.

Kesimpulannya, UMNO belum kembali sepenuhnya ke zaman dominan, tetapi ia jelas sedang membina semula kekuatan secara lebih bijaksana. Suluan kekalahan pada PRU15, UMNO kini memilih jalan penyatuan, pembaharuan dan institusionalisasi.

Perkembangan Rumah Bangsa boleh dibaca sebagai petanda awal positif menjelang PRN Melaka, Johor dan PRU16. Kedua-dua negeri ini mempunyai nilai strategik kepada UMNO. Melaka pernah menjadi medan kebangkitan BN dalam PRN 2021, manakala Johor kekal sebagai negeri penting dalam psikologi politik UMNO.

Jika momentum keahlian baharu, kepulauan bekas pemimpin dan pengukuhan jentera dapat diterjemahkan kepada sokongan pengundi, UMNO berpotensi besar memperbaiki prestasinya secara signifikan pada PRN Melaka, Johor dan PRU16.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH